

# Presiden CUEPACS punya hak UM 28 SEP/1985 pegang jawatan dalam politik

(p)  
KUALA LUMPUR, 27 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata Presiden CUEPACS atau mana - mana anggota perkhidmatan awam mempunyai hak masing - masing untuk memegang jawatan dalam politik asalkan mereka melepaskan jawatan dalam kerajaan.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan hanya membenarkan pegawai - pегawainya melibatkan diri secara aktif dalam politik ke peringkat yang tertentu sahaja.

"Jika mereka mahu memegang jawatan yang tinggi, mereka mesti meninggalkan perkhidmatan awam," kata beliau.

Bercakap kepada para pemberita semasa jamuan teh di Perhimpunan Agung UMNO di Kompleks UMNO petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Presiden CUEPACS Encik Ahmad Nor juga mempunyai haknya sendiri untuk melibatkan diri secara aktif dalam politik.

## Perlu

Ditanya sama ada Encik Ahmad Nor perlu meletakkan jawatannya untuk memegang jawatan tinggi dalam parti baru yang bakal ditubuhkan, beliau berkata perkara tersebut masih terlalu awal untuk dikatakan.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam yang berada di samping Perdana Menteri memberitahu para pemberita permohonan penaja Parti Nasionalis Malaysia menjelaskan kedudukan Encik Ahmad Nor sebagai Timbalan Presiden dan pemimpin tertinggi dalam parti itu setakat ini.

Menurut Datuk Musa, antara lain permohonan itu juga menyebut Encik Zainuddin Mohammad sebagai setiausaha agung tetapi tidak menyatakan siapa presidennya.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri memberitahu bahawa dalam permohonannya, Encik Ahmad Nor menerangkan beliau akan terlibat menaja Parti Nasionalis Malaysia dan akan memegang jawatan tinggi.

Datuk Musa bagaimanapun berkata permohonan tersebut masih belum diluluskan. Beliau tidak memberi apa-apa sebab.